

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (33)

1 Oktober 2023
15 Rabiulawal 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 48/2023

PENSTRUKTURAN SEMULA PENGURUSAN KUALITI AKADEMIK DI BAWAH PUSAT KUALITI AKADEMIK DAN KURIKULUM (UTM CAQ), JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bil. 16/2023 pada 19 September 2023 telah meluluskan cadangan penstrukturan semula pengurusan kualiti akademik ke Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) di bawah pusat baharu iaitu Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum (UTM CAQ).

2. Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum (UTM CAQ) akan menjalankan fungsi utama yang meliputi **pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan kualiti akademik** dan perinciannya adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan serta pemantauan kurikulum;
- ii. Penyediaan dokumen pelaporan pelaksanaan kualiti akademik (contoh: APAER dan COPPA, COPIA, MQF, Standard Program MQA, Standard Program Badan Profesional, dan Amalan Baik) di Fakulti;
- iii. Perancangan dan penyeliaan proses penjaminan kualiti akademik;
- iv. Peranan sebagai pakar rujuk berkaitan Pengurusan Kualiti Akademik;
- v. Pelaksanaan Jaminan Kualiti Akademik Dalaman (*Internal Academic Quality Assurance*);
- vi. Pembangunan polisi/prosedur berkaitan pengurusan kualiti akademik;
- vii. Pemilik Sistem Pengurusan Kualiti Akademik UTM (QAAS) Universiti;
- viii. Peranan sebagai urus setia mesyuarat/jawatankuasa/ anugerah berkaitan dengan kualiti akademik.

3. UTM CAQ juga akan bertanggungjawab untuk memastikan reka bentuk dan pembangunan kurikulum kekal relevan serta bertepatan dengan landskap pendidikan negara melalui pendekatan kajian dan penyelidikan. Bagi tujuan tersebut, fungsi Pembangunan Kurikulum dari Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel (UTM CDex) akan dipindahkan ke UTM CAQ.

4. UTM CAQ akan diketuai oleh Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Pengarah. Alamat surat-menyurat dan lokasi UTM CAQ adalah seperti berikut :

UTM Johor Bahru

Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum (UTM CAQ)
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 3, Bangunan Canselori Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor

5. Penstrukturan semula fungsi ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2023. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum berhubung perkara ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah